

Faktor-Faktor Ke Arah Peningkatan Modal Insan Minda Kelas Pertama Di Kalangan Guru-Guru Di Sebuah Sekolah Kebangsaan Di Daerah Johor Bahru

Khadijah Binti Daud & Harith Bin Abd Hamid

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Usaha menghasilkan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru adalah menjadi suatu kemestian pada hari ini. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor utama yang menyumbang ke arah penghasilan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di salah sebuah sekolah kebangsaan di daerah Johor Bahru, dalam aspek amalan pembelajaran sepanjang hayat, aspek kreativiti, aspek kepercayaan dan aspek kompetensi. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang terdiri daripada 82 item semuanya. Seramai 40 orang responden terlibat dalam kajian ini. Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 12 for Windows*. Bagi mendapatkan jumlah kekerapan, peratus dan min. Kajian rintis telah dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian ini dan nilai yang diperolehi ialah 0.9168 pada skala *Alpha Cronbach*. Dapatan kajian menunjukkan ke empat-empat aspek berada pada tahap tinggi di dalam faktor-faktor yang menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan responden dan aspek kreativiti merupakan penyumbang pada tahap paling tinggi berbanding dengan yang lainnya. Justeru itu, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan dilakukan dalam aspek-aspek yang lebih terperinci di masa hadapan.

Katakunci : faktor, peningkatan modal insan, minda kelas pertama, guru

Pengenalan

Berbagai-bagai perubahan telahpun dilakukan oleh manusia bagi membentuk tamadun masing-masing dalam usaha mereka untuk mencapai kecemerlangan. Dalam semua usaha yang dilakukan untuk memperbaiki lagi keadaan, penambahan nilai kepada yang sedia ada menjadi dorongan yang menimbulkan kemajuan. Di samping itu, penemuan baru, pengubahsuaian serta rekaan dan ciptaan terkini akan menjadi pemangkin dan penggerak kepada perubahan. Kita harus terus melakukan perubahan dalam setiap aspek kehidupan, kerana, jika tidak, kita akan ditinggalkan oleh perubahan yang berlaku di sekeliling kita (Ahmad Zaharudin, 2001).

“Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi satu keperluan, bukan lagi kemewahan.” Demikian antara ungkapan penting Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Beliau turut berpendapat bahawa pembangunan modal insan, anjakan minda dan pemikiran warga satu cabaran terbesar (Zaini Ujang, 2008).

Pembentukan masyarakat minda kelas pertama menjadi agenda penting Negara selepas Perdana Menteri menjadikannya teras kedua misi nasional yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Ia tidak terbentuk dengan sendiri, sebaliknya perlu ada usaha memupukkannya secara sistematik dan terlaksana. Oleh itu segenap lapisan masyarakat perlulah memiliki minda kelas pertama bagi mendepani pelbagai cabaran dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) dengan sentiasa berfikiran positif, kreatif dan inovatif. Inilah asas kepada pembentukan minda kelas pertama iaitu berteraskan kepada keupayaan masyarakat meningkatkan ilmu pengetahuan.

Menurut Tajul Arifin (2002), Martabat manusia terletak pada ketinggian akhlaknya. Atas kesedaran inilah faktor akhlak perlu dibincang secara khusus sebagai satu strategi pembinaan insan. Sesungguhnya konsep akhlak tidak sama dengan moral. Ini disebabkan akhlak berpaksikan aqidah. Maksudnya tingkahlaku yang berakhlak sentiasa membawa seseorang manusia itu mendekati Tuhannya untuk mencari kecintaan dan keredhaanNya. Kesucian akhlak bersifat sejagat. Manakala moral adalah tingkah laku baik mengikut kaca mata dan peraturan ciptaan manusia yang terbatas. Walau bagaimanapun, kedua-duanya dapat dilaksanakan secara seiring asalkan berpaksikan kepada aqidah. Iaini kepercayaan dan kepatuhan yang bersungguh-sungguh terhadap Allah s.w.t.

Pernyataan Masalah

Menurut Salleha (2001), berdasarkan latar belakang masalah yang telah dijelaskan, kebanyakan organisasi sekolah kurang mengamalkan tabiat belajar secara kolektif dan kolaboratif apatah lagi bebas dan terbuka. Keadaan ini menyebabkan ramai para kakitangan tidak mampu bertindak secara efektif dan cekap di tempat kerja walaupun mereka telah menghadiri kursus, latihan dan kemahiran. Keadaan ini menghalang proses penambahbaikan terhadap individu atau kumpulan dalam organisasi tersebut.

Hasil daripada pembacaan dari kajian literatur yang mendalam serta pemerhatian secara rambang, pengkaji sedar bahawa telah wujud aktiviti-aktiviti dalam aspek amalan pembelajaran sepanjang hayat, aspek kreativiti, aspek kepercayaan dan aspek kompetensi ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di dalam organisasi sekolah. Oleh itu pengkaji ingin meninjau apakah faktor-faktor yang menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guruguru di salah sebuah sekolah di daerah Johor Bahru.

Untuk tujuan ini, pengkaji akan menjalankan kajian di salah sebuah Sekolah Kebangsaan berstatus dalam bandar di Zon Gelang Patah, Johor Bahru dalam usaha menuju ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru melalui aspek amalan pembelajaran sepanjang hayat, aspek kreativiti, aspek kepercayaan dan aspek kompetensi.

Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Mengenalpasti sejauh mana tahap amalan pembelajaran sepanjang hayat dikalangan guru-guru dapat menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama.
2. Mengenalpasti sejauh mana tahap kreativiti yang dimiliki dapat menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru.
3. Mengenalpasti sejauh mana tahap kepercayaan diri guru-guru dapat menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama.
4. Mengenalpasti sejauh mana tahap kompetensi yang dimiliki oleh guru-guru dapat menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama.
5. Untuk mengenalpasti apa faktor utama yang paling menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru.

Kepentingan Kajian

Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan telah menetapkan “pembangunan modal insan berminda kelas pertama” sebagai salah satu daripada lima teras utama ke arah mencapai Wawasan 2020. Sesungguhnya, kejayaan agenda pembangunan modal insan amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara. Selaras dengan itu, salah satu agenda

penting Kerajaan adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Sistem yang saya maksudkan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran, yang mampu bersaing di pasaran kerja global semata-mata. Sistem tersebut juga perlu membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara majmuk, sistem pendidikan tersebut juga perlu mampu membangunkan masyarakat bersatu padu dan bertoleransi (Abdullah Sani Yahaya, 2006).

Menurut Hishammuddin (2006) dalam Abdullah Sani Yahya (2006), Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ini bertujuan memperkemaskan pelaksanaan program-program pendidikan serta memantapkan lagi proses pembinaan modal insan secara menyeluruh dan berterusan supaya output yang dihasilkan berupaya memenuhi kehendak tempatan dan antarabangsa, di samping mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia dalam arena global. Maka, amatlah wajar usaha kolaboratif di kalangan warga pendidik serta semua pihak yang berkepentingan dapat digembleng demi menjayakan matlamat yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ini.

Secara ringkasnya, kepentingan kajian ini adalah :

1. Menyediakan data-data dan maklumat-maklumat asas mengenai tahap amalan pembelajaran sepanjang hayat, tahap kreativiti, tahap kepercayaan dan tahap kompetensi di kalangan guru-guru kepada Sekolah Kebangsaan yang dikaji, Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru, Jabatan Pelajaran Johor dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
2. Memberi panduan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah peningkatan modal insan di kalangan guru-guru di sekolah kebangsaan yang dikaji.
3. Memberikan gambaran mengenai elemen-elemen seperti tahap amalan pembelajaran sepanjang hayat, kreativiti dan kepercayaan diri yang dimiliki dan kompetensi adalah merupakan di antara faktor-faktor utama ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama bagi sesebuah organisasi pendidikan.
4. Hasil kajian boleh dijadikan panduan am oleh organisasi pendidikan yang lain khususnya di kalangan sekolah-sekolah harian biasa.
5. Memberikan pengetahuan dan maklumat kepada ahli-ahli organisasi berkenaan dengan amalan pembelajaran sepanjang hayat ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di organisasi tersebut.
6. Menilai kekurangan dan kelemahan serta keperluan-keperluan diri individu, kumpulan dan organisasi secara keseluruhannya untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

Rekabentuk Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan secara deskriptif untuk mendapatkan maklumat mengenai faktor-faktor ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di Sekolah Kebangsaan Taman Mutiara Rini, Johor Bahru. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif bagi memperolehi dapatan yang diperlukan untuk menjawab persoalan kajian. Data kuantitatif adalah berdasarkan kuantiti seperti menggunakan angka, min skor dan kekerapan (Mohamad Najib, 1999)

Soal selidik digunakan sebagai alat penyelidikan bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan. Menurut Mohd Majid Konting (1990), kajian tinjauan menerusi penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan dalam penyelidikan kerana ia bermatlamat untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah dan ia merupakan cara yang sangat berkesan untuk mendapatkan maklumat. Di antara aspek-aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah faktor-faktor

amalan pembelajaran sepanjang hayat, faktor-faktor kreativiti yang dimiliki, faktor-faktor kepercayaan dan faktor-faktor kompetensi ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di sekolah yang dikaji.

Menurut Marsick dan Watkins (1994) mengatakan bahawa organisasi pembelajaran bukanlah satu yang boleh diberi atau diarah "prescribe" tetapi ia adalah menilai amalan semasa (dalam Griego dan Geroy, 2000). Maka kajian yang akan dijalankan adalah merupakan kajian tinjauan penilaian diskriptif institusi. Penilaian tahap pembelajaran dilihat berdasarkan sejauh mana keupayaan organisasi secara keseluruhan, jabatan, pengurus dan latihan mampu mewujudkan modal insan minda kelas pertama melalui amalan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan ahli-ahli organisasi.

Kaedah tinjauan melalui soal selidik digunakan untuk kajian ini kerana cara ini dapat mengukur sikap, pendapat atau pencapaian dengan bilangan pembolehubah yang banyak (Wiersma, 1995). Soal selidik yang digunakan adalah berdasarkan audit pembelajaran yang telah direka oleh Micheal, Roderick et al (1995) di dalam bukunya *Learning Organization in Practice*. Soal selidik ini telah digunakan dengan jayanya di Amerika. Soalselidik ini juga telah digunakan oleh Abd Rahman Salleh (2000) dalam kajian tinjauannya di sebuah Sekolah Harapan Negara di daerah Pontian, Johor mengenai Sekolah Sebagai Sebuah Organisasi Pembelajaran. Soal selidik ini juga telah digunakan oleh Salleha binti Abd Kahar (2001) di dalam kajiannya "Ke Arah Organisasi Pembelajaran : Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Agama, Negeri Johor Darul Takzim.

Populasi Kajian

Populasi kajian dalam cadangan penyelidikan ini adalah semua staf akademik di Sekolah Kebangsaan Taman Mutiara Rini, Johor Bahru. Populasi tidak termasuk mereka yang menjalankan tugas pengurusan seperti Guru Besar, Guru Penolong Kanan 1, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Penolong Kanan Kokrikulum kerana kajian ini secara khususnya ingin melihat tahap peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru dari sudut perspektif staf fungsional sahaja.

Oleh kerana saiz populasinya tidaklah besar, maka kesemuanya dijadikan persampelan kepada kajian ini. Jumlah persampelannya adalah seramai empat puluh orang sahaja.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berdasarkan elemen audit pembelajaran yang telah dibangunkan oleh Pearn et al. (1995) di dalam buku mereka "*Learning Organization in Practice*". Soal selidik ini telah berjaya melihat tahap amalan organisasi pembelajaran di organisasi yang dikaji, dan telah dapat mengesan faktor-faktor penggalak dan penghalang amalan pembelajaran yang mampu mewujudkan organisasi pembelajaran di Amerika Syarikat.

Soal selidik yang digunakan mengandungi 5 item dalam bahagian A (demografi), 17 item dalam bahagian B1, 9 item dalam bahagian B2, 16 item dalam bahagian B3 dan 35 item dalam bahagian B4.

Jadual 1 : Rekabentuk Soal Selidik

BAHAGIAN	ITEM BERKENAAN	BILANGAN ITEM
A	Demografi	5
B1	Amalan Pembelajaran Sepanjang Hayat	17
B2	Kreativiti	9
B3	Kepercayaan	16
B4	Kompetensi	35

Jadual 1 menunjukkan isi kandungan instrumen kajian yang terbahagi kepada 2 bahagian. Bahagian A mengandungi item-item yang berkaitan dengan demografi responden. Bahagian B pula merujuk kepada item-item yang berkaitan dengan faktor-faktor keupayaan pembelajaran dalam organisasi iaitu keupayaan organisasi secara keseluruhannya dalam aspek amalan pembelajaran sepanjang hayat, kreativiti, kepercayaan dan kompetensi.

Skala respons yang digunakan bagi soal selidik ini menggunakan skala likert lima mata iaitu : sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Moser dan Kalton (1977) telah menyatakan bahawa penggunaan skala lima mata mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi berbanding dengan skala jenis yang lain.

Analisis Data

Jadual 2 : Tahap Taburan Kekurangan Faktor Yang Paling Menyumbang Ke Arah Peningkatan Modal Insan Minda Kelas Pertama Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Yang Dikaji.

Aspek-Aspek Berkaitan	Kekurangan (Tahap Skor Min Tinggi)	Peratus (%)
Amalan Pembelajaran Sepanjang Hayat	35	87.5
Kreativiti	37	92.5
Kepercayaan	36	90.0
Kompetensi	36	90.0

Dengan merujuk Jadual 2 di atas, aspek kepercayaan dan aspek kompetensi masing-masing mewakili 36 orang responden atau 90.00 peratus dan aspek pembelajaran sepanjang hayat pula mewakili 35 orang atau 87.5 peratus responden, manakala seramai 37 orang responden atau 92.5 peratus diwakili oleh aspek kreativiti. Dari dapatan kajian ini, amat jelas menunjukkan bahawa di antara empat aspek di atas, aspek kreativiti adalah merupakan faktor yang paling banyak menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di Sekolah Kebangsaan Taman Mutiara Rini, Johor Bahru berbanding dengan tiga faktor yang lainnya.

Dapatan ini juga telah menjawab persoalan kajian yang ke lima, iaitu kreativiti adalah merupakan tahap tertinggi dan merupakan faktor paling menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di sekolah yang dikaji. Ini juga telah menunjukkan bahawa objektif kajian yang ke lima juga tercapai.

Perbincangan

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauhmanakah tahap amalan pembelajaran sepanjang hayat, tahap kreativiti, tahap kepercayaan dan tahap kompetensi, menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guruguru di sekolah yang dikaji.

Dari data demografi, seramai 40 orang staf akademik telah di ambil sebagai sampel dan seterusnya menjadi responden kepada kajian ini. Dari jumlah ini, seramai 15 orang (37.5 peratus) adalah guru lelaki dan 25 orang (62.5 peratus) terdiri daripada guru perempuan, dimana jumlah guru perempuan melebihi jumlah guru lelaki.

Berdasarkan taburan umur responden pula, golongan guru yang berumur di antara 31 hingga 35 tahun adalah merupakan golongan majoriti di Sekolah Kebangsaan Taman Mutiara Rini iaitu seramai 15 orang (37.5 peratus) dengan diikuti golongan yang berumur 30 tahun dan ke bawah seramai 12 orang (30.0 peratus), manakala yang selebihnya seramai 13 orang (32.5 peratus) adalah berusia 36 tahun dan ke atas. Sesebuah organisasi akan dapat banyak manfaat dengan kekuatan ahli-ahli organisasi yang muda dan bertenaga (Fullan, 1982).

Dari segi kelulusan responden pula, guru-guru yang memiliki ijazah pertama seramai 23 oarang (57.5 peratus) merupakan golongan yang teramai di sekolah ini. Keadaan ini memudahkan lagi usaha-usaha pihak sekolah menggunakan kepakarankepakaran tinggi yang dimiliki oleh individu untuk merangsang dan mengembangkan lagi pembelajaran apabila diperkukuhkan lagi dengan "pembelajaran berpasukan" akan terbuka aliran kecerdasan yang lebih besar (Bohm, 1980). Manakala guru yang memiliki diploma seramai 6 orang (15.0 peratus), mamiliki sijil STP / STPM / HSC seramai 7 oarang (17.5 peratus) dan memiliki sijil SPM / MCE seramai 4 orang (10.0 peratus) sahaja.

Dari segi tempoh perkhidmatan di sekolah ini pula, golongan guru-guru yang telah berkhidmat di sekolah ini kurang dari 5 tahun adalah seramai 29 orang (72.5 peratus) manakala seramai 11 orang (27.5 peratus) berkhidmat antara 6 hingga 10 tahun. Ini menggambarkan bahawa majoriti guru-guru di sekolah ini adalah guru yang baru ditempatkan ke sekolah ini sama ada sebagai penempatan pertama mereka atau penempatan baru yang perlukan bimbingan dan tunjukajar daripada guru-guru yang lebih berpengalaman.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada maklumbalas responden dapat dihuraikan dengan bertumpu kepada lima persoalan kajian seperti berikut : 5.2.1 Apakah tahap amalan pembelajaran sepanjang hayat yang dimiliki dapat menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di sekolah yang dikaji.

1. Apakah tahap kreativiti yang dimiliki dapat menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di sekolah yang dikaji.
2. Apakah tahap kepercayaan diri yang dimiliki dapat menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di sekolah yang dikaji.
3. Apakah tahap kompetensi yang dimiliki dapat menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di sekolah yang dikaji.
4. Apakah tahap yang paling menyumbang ke arah peningkatan modal insan minda kelas pertama di kalangan guru-guru di sekolah yang dikaji.

Rujukan

Ary, D. (1985). *"Introduction To Research in Education."* Third Edition. CBS: College Publishing

- Azizi Hj. Yahaya. (2005). *"Pembangunan Kendiri. Skudai"* : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Buscaglia, L.F. (2002). *Living, Loving and Learning*. California : Amazon, Ca.Inc
- Costa, A. (1991). *"Reassessing Assessment."*In *If Minds Matter*, edited by J.Bellanca, R.Fogarty, and A. Costa Palatine, III. : Skylight Publishing.
- Drucker, P.F.(1993). *"Managing for the Future: The 1990's and Beyond."* New York: Penguin.
- Ee Ah Meng. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Elliot, A. J., & Dweck, C. S. (2005). *Handbook of Competence and Motivation*. New York : The Guilford Press.
- Fullan, M.G. (1982). *The Meaning of Educational Change*. New York: Teachers College, Columbia University.
- Fullan, M.G. and Hargreaves, A. (1993). *Change, Forces, Probing the Depths of Educational Reform*. New York / London: Falmer Press
- Garmston, R.J. (1991). *How To Make Presentations That Teach and Transform*. California. Great Ocean Publishers, Inc.
- Harani Suleiman. (2005). *Ke Arah Organisasi Pembelajaran : Satu Tinjauan Di Salah Sebuah Sekolah Luar Bandar Di Zon Pasir Gudang, Johor Darul Takzim*. UTM Tesis. Sarjana.
- Hodge, B.J., Anthoney, W.P. and Gales, L.M. (2003).*Organization Theory: A Strategic Approach*. New Jersey, USA: Prenticed Hall Date Publisher.
- Kline, P. & Saunders, B. (1998). *Ten Steps to a Learning Organization*. Second Edition, Arlington: Great Ocean Publishers, Inc.
- Larkin, P.A. (1985). *Memory Performance and Competencies: Issues in Growth and Development*. London, England. British Library.
- Moser and Kalton. (1977). *Servey Methods In Social Investigation*. 2nd. Ed. London: Heinemann.
- Naisbitt, J. (1995). *Megatrends in Asia*. New York : Simon and Schuster
- Nelson-Jones, R. (1996). *Effective Thinking Skills*. London : SAGE Publications Limited.
- Ruhaida Ab Rahim. (2006). *Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Secara Kontekstual Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Kalangan Guru-Guru Sains dan Matematik Di Sekolah Menengah Teknik Di Daerah Johor Bahru*. UTM : Projek Sarjana Muda.
- Salleha Abd Kahar. (2001). *Ke Arah Organisasi Pembelajaran : Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Negeri Johor Darul Takzim*. UTM Tesis: Sarjana.
- Tajul Ariffin Noordin dan Nor' Aini Dan. (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia Pendekatan Bersepadu*. Selangor Darul Ehsan: As-Syabab Media.
- Van Dalen, D.B. (1979).*Understanding Educational Research*. New York: McGraw-Hill.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. (1993). *Pengisian Wawasan Pendidikan. Persidangan Pendidikan Nasional*.